

GERBANG VARSITI KITA

Korpus Sejarah UKM

Bil. 25/2025

Tak perlu belajar
keluar negeri lagi

Sabah akan punya kampus Universiti Kebangsaan



KOTA KINABALU 18 Mac
Dalam usaha untuk memperbaiki dasar tanah, pertia lagu minyak dan gas yang terdapat di Sabah, maka dilaksanakan pembentukan universiti kerana sebuah kampus universiti akan memberi peluang kepada ahli akademik dan ahli teknologi untuk bertemu dan berinteraksi dengan ahli akademik dan ahli teknologi dari universiti lain di seluruh dunia.

Yayasan Sabah akan menyediakan 1400 ekar tanah bagi pembinaan kampus. Selain itu, projek R&D yang disenggarakan bersama oleh Yayasan Sabah dan Universiti Kebangsaan.

Untuk maklumat, sekitar 1000 ekar tanah yang dibeli oleh Yayasan Sabah ini adalah untuk pembentukan kampus sementara. Selain itu, setiap ahli teknologi yang datang ke Sabah untuk mengajar dan berpenelitian akan mendapat hak untuk membeli tanah di Sabah.

Dengan cara ini, Yayasan Sabah akan membantu dalam mencapai tujuan pembentukan universiti di Sabah.

Adakah dipertanyakan, bagaimana

SEJARAH PEMBANGUNAN UKM KAMPUS SABAH

Pemilihan Tapak dan Usaha Awal

Cadangan untuk menubuhkan kampus cawangan UKM di Sabah telah dikemukakan oleh Tun Datu Haji Mustapha bin Datu Harun, Ketua Menteri Sabah kepada Tun Abdul Razak bin Hussein, Perdana Menteri Malaysia pada 4 Januari 1974.

Pada 7 Januari 1977, kerajaan negeri Sabah telah mencadangkan beberapa kawasan Hutan Simpan seluas 1000 ekar di antara Pekan Kimanis dan Bongawan sebagai tapak tetap kampus UKM Sabah (UKMS). Satu jawatankuasa khas, yang diketuai oleh Datuk Abdullah Haji Mohd Salleh (Pengerusi Majlis Universiti) dan disertai pegawai kanan UKM serta wakil kerajaan negeri, telah menjalankan tinjauan dan penilaian ke atas lima lokasi utama: Karambunai, kawasan utara dan timur Ibu Pejabat Yayasan Sabah, Kinarut, dan Kimanis.

Berdasarkan lima belas ciri utama yang telah dinilai, kawasan di utara Ibu Pejabat Yayasan Sabah akhirnya dipilih sebagai tapak paling sesuai. Kerajaan negeri Sabah bersetuju memberikan tanah seluas 1000 ekar secara percuma kepada UKM, manakala Yayasan Sabah turut menyumbang RM5 juta sebagai *launching grant* untuk pembangunan infrastruktur kampus.



Pemandangan tapak kampus sebelum pembinaan dijalankan



Kampus sementara UKMS di Limauan, Kinarut (1974 - 1979)



Kampus sementara UKMS di Bukit Padang (Mei 1979 - 1990)



Kampus UKMS Menggatal (1990-1996)

Kampus Limauan, Kinarut (1974-1979)

Pada 30 September 1974, UKMS beroperasi di Limauan, Kinarut, kira-kira 32 km dari Kota Kinabalu. Kampus sementara ini dibina sepenuhnya oleh Yayasan Sabah di atas tanah seluas 16 hektar dengan kos RM2.8 juta. Pada peringkat awal, kampus ini menumpukan perhatian kepada program Matrikulasi (pengambilan pertama seramai 49 pelajar, termasuk 18 anak Sabah). Kampus ini dinamakan Kampus UKMS Limauan sempena tempat lahir Tun Datu Haji Mustapha. Pada bulan Jun 1976, UKMS mula mengendalikan kursus-kursus ijazah di peringkat tahun pertama untuk beberapa bidang sains.

Kampus UKMS Bukit Padang, Kampus Kedua (1979-1990)

UKMS berpindah ke Kampus Bukit Padang, Kota Kinabalu pada April 1979. Pada tahun yang sama, Fakulti Sains dan Sumber Alam (FSSA) ditubuhkan dengan rasminya dengan tiga unit program pengajian: Biologi, Kimia dan Sains Bumi.

Kampus UKMS Menggatal, Kampus Ketiga (1990-1996)

Bagi menampung bilangan pelajar yang semakin meningkat berikutan penambahan Fakulti Sains Pembangunan (FSP) dan Fakulti Sains dan Sumber Alam (FSSA), UKMS telah berpindah sekali lagi ke Menggatal sementara menanti pembinaan kampus tetap di Teluk Likas, Kota Kinabalu.

UKMS kembali ke Bangi (1996 - Kini)

Pada tahun 1996, Kampus UKMS ditutup susulan penubuhan Universiti Malaysia Sabah (UMS). Lantaran itu, Fakulti Sains Pembangunan (FSP) dan Fakulti Sains dan Sumber Alam (FSSA) telah dipindahkan ke Kampus Induk UKM di Bangi, Selangor. Pada tahun yang sama, tapak tetap Kampus UKMS seluas 909 ekar di Teluk Likas, Kota Kinabalu (pemberian Kerajaan Negeri Sabah) telah dipindahkan hak miliknya kepada Universiti Malaysia Sabah (UMS). Sementara itu, Kampus di Menggatal digunakan oleh UMS sebagai Sekolah Kejuruteraan dan Sekolah Teknologi.

Sumber:

- Laporan Jawatankuasa Mengkaji Tapak Tetap UKM Sabah
- Buku Sumbangan UKM Dalam Pembangunan Sabah, 2001